

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 15. Pertunangan**

Jika mana-mana orang telah mengikat suatu pertunangan mengikut Hukum Syarak, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantara, dan kemudiannya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggung memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apaapa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau bagi pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian itu boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah.

---